

PELAKSANAAN AMANAH TAKAFUL DI MALAYSIA: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

THE IMPLEMENTATION OF TAKAFUL TRUST IN MALAYSIA: ANALYTICAL STUDY FROM THE PERSPECTIVES OF MAQASID SHARIAH

Muhamad Mu'izz Bin Abdullah¹
Mohamad Fadzil Bin Mohamad²
Muhaimin Bin Yaakob³

¹Calon Ph.D, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), (e-mail: muizzziela8990@gmail.com)

²Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (e-mail: mofamad01@gmail.com)

³Kulliyyah al-'Ulum al-Islamiyyah, Universiti Al-Azhar, Mesir (e-mail: fcmuhaimin4@gmail.com)

Article history

Received date : 6-5-2020
Revised date : 7-5-2020
Accepted date : 5-6-2020
Published date : 15-7-2020

To cite this document:

Abdullah, M.M., Mohamad, M.F., Yaakob, M (2020).
Pelaksanaan Amanah Takaful Di Malaysia: Analisis
Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of
Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*,
5(30), 1 – 12.

Abstrak: Perancangan harta pusaka dan pengurusan risiko adalah elemen penting dalam kehidupan masyarakat muslim. Pada masa kini, kita diperkenalkan dengan instrumen amanah takaful. Ia adalah salah satu instrumen perancangan harta yang menggabungkan dua akad berbeza dan memiliki ciri-ciri tersendiri. Namun begitu, timbul persoalan sejauh manakah konsep ini dapat menunaikan kehendak pencarum khususnya untuk menjaga kepentingan keluarga dan kanak-kanak bawah umur selepas kematiannya? Pelaksanaannya juga masih kabur kerana tidak diaplikasikan secara meluas dalam industri perancangan harta di Malaysia. Oleh itu, makalah ini akan memfokuskan kepada produk takaful hayat (life insurance) dan mengkaji konsep pelaksanaan Amanah Takaful dalam memenuhi tuntutan Maqasid Syariah (Hifz al-Mal). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan pendekatan diskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa Amanah Takaful dilihat berpotensi menjadi salah satu instrumen yang berkesan dalam perancangan harta pusaka dan memenuhi tuntutan Maqasid Syariah (Hifz al-Mal). Kesimpulannya, Amanah Takaful mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam sektor industri perancangan harta muslim di Malaysia.

Kata Kunci: Amanah, Amanah Takaful, Manfaat Takaful, Maqasid Syariah, Perancangan Harta Pusaka

Abstract: *Islamic estate planning and risk management are very crucial, especially in Muslim society. Currently, we were introduced to a new Islamic estate planning instrument named: "Takaful Trust". It is one of the instruments of estate planning that combines two different contracts and has its characteristics. However, there is an argument to what extent this concept can fulfil the needs of the contributor. In particular, to protect the interest of family and minors after his death. Its implementation is still unclear as it is not widely applied in the property planning industry in Malaysia. Therefore, this paper will focus on the concept of Takaful Trust implementation in fulfilling the demands of the Maqasid Shariah (Hifz al-Mal). This study using qualitative research, content analysis and descriptive approach. The study showed that takaful trust was seen as potentially an effective instrument in Islamic estate planning and fulfilling Maqasid Syariah (Hifz al-Mal). In conclusion, takaful trust has its importance in muslim legacy planning sector in Malaysia.*

Keywords: *Trust, Takaful Trust, Death Compensation, Maqasid Shariah, Islamic Estate Planning*

Pendahuluan

Harta yang dikumpulkan perlu dirancang dan ditadbir dengan sebaiknya. Persediaan perlu dilakukan dari awal untuk manfaat ahli keluarga yang berhak selepas berlakunya kematian. Perancangan harta yang bijak dapat mengelakkan pengurusan harta pusaka yang rumit disebabkan tiada kerjasama waris, tidak mengetahui proses perundangan dengan sebaiknya dan salah tanggapan terhadap sistem faraid bahawa faraid adalah penyelesaian segala-galanya (Mohd Kamarul & Mohamad Sabri, 2018; Wan Suraya, 2016). Lebih malang apabila sikap masyarakat yang tidak mengambil berat akan dokumen pemilikan harta dan tidak memaklumkan kepada ahli keluarga sebarang aset yang dimiliki. Islam menggalakkan umatnya untuk merancang dengan sebaiknya dan mengurus risiko dengan sistematik sewaktu hidup untuk mengelakkan ahli keluarga terabai selepas kematian pemilik harta.

Oleh sebab itu bagi menggalakkan pengurusan risiko yang sistematik di kalangan masyarakat Islam, produk takaful (insurans Islam) telah diperkenalkan seawal tahun 1980-an sebagai alternatif kepada insurans konvensional (Yunus & Husniyah, 2010). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Rubayah Yakob & Nor Hamizah (2017), produk takaful menjadi sesuatu yang *dthururiy* (wajib) pada masa kini khususnya di kalangan B40 disebabkan kerana tekanan hidup, faktor ekonomi, dan demografi. Malah kepentingan produk takaful ternyata memainkan peranan penting untuk menghadapi sebarang risiko terutama sekiranya pemilik polisi tersebut meninggalkan benefisiari bawah umur dan pasangan yang tidak mempunyai sebarang punca pendapatan.

Walaupun produk takaful adalah instrumen perancangan harta pusaka yang dilihat begitu signifikan pada masa kini, tetapi perancangan yang tidak sistematik secara tidak langsung akan memberi impak negatif kepada ahli keluarga. Justeru, artikel ini akan cuba menilai sejauh manakah konsep "amanah takaful" kontemporari yang dipraktikkan dalam industri perancangan harta pusaka kini dapat membantu menjayakan pengurusan manfaat takaful yang dicarum oleh peserta polisi takaful. Penekanan akan diberikan kepada produk takaful hayat yang sinonim dengan masyarakat muslim, dan ia satu polisi bersifat jangka panjang untuk manfaat dan kesejahteraan ahli keluarga.

Konsep Amanah Takaful

Produk perancangan harta pusaka dalam industri kini semakin berkembang bagi memenuhi tuntutan masyarakat dan menangani permasalahan sosial. Dengan munculnya pelbagai produk kontemporari dalam perancangan harta pusaka, ini memudahkan seseorang individu untuk merancang sewaktu hayatnya. Di antara instrumen perancangan harta pusaka yang perlu diberi perhatian adalah produk “amanah takaful”. Ia merupakan dua jenis instrumen berbeza yang menggabungkan dua akad berlainan, dan merujuk kepada dua sistem perundangan; Islam dan sivil. Pemilihan amanah takaful adalah bertujuan untuk melantik pemegang amanah gantian (*wasi*) bagi menguruskan manfaat takaful selepas berlakunya kematian. Berbeza dengan pelaksanaan takaful biasa, pewasiat hanya menamakan benefisiari untuk penyerahan manfaat takaful. Selepas kematian pewasiat, manfaat takaful tersebut akan dipindah milik terus kepada benefisiari yang dinamakan.

Definisi Amanah

Definisi amanah yang dibincangkan dalam artikel ini ialah instrumen yang dirujuk dalam Undang-Undang Sivil di bawah Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai Perundangan, Senarai 1, Senarai Persekutuan, perenggan (e)(i):

(i) kontrak; perkongsian, agensi dan kontrak khas yang lain; majikan dan pekhidmat; rumah inapan dan tuan rumah inapan; perbuatan salah boleh dakwa; harta dan pindah hak miliknya serta hipotek asinya, kecuali tanah; bona vacantia; ekuiti dan amanah...

Berdasarkan bidang kuasa amanah dalam Perlembagaan Persekutuan di atas, amanah sivil berteraskan kepada undang-undang kontrak dan komersial yang berasaskan kepada Undang-Undang Inggeris terutama melibatkan prinsip ekuiti (Hidayat Bung, 2008). Konsep ini berbeza dengan amanah Islam kerana sumber rujukannya adalah daripada al-Quran dan as-Sunnah (Nasrul Hisyam, 2012). Menurut Habsah Bakar (2008), amanah adalah satu obligasi ekuiti yang mengikat seseorang yang dinamakan sebagai “Pemegang Amanah” untuk mentadbirkan harta ke atas mana dia mempunyai kawalan yang disebut sebagai “Harta Amanah” untuk manfaat pihak yang dinamakan sebagai “Benefisiari”.

Berdasarkan definisi amanah tersebut, terdapat tiga elemen utama dalam pembentukan amanah iaitu pemegang amanah (*wasi*), benefisiari dan harta amanah. Amanah yang dibincangkan ini terletak di bawah bidang kuasa sivil dan skop perbahasannya adalah lebih luas daripada amanah Islam yang hanya tertentu kepada wakaf, khairat kematian, zakat hadanah, perkahwinan dan penceraian. Malah amanah sivil adalah terpakai sama ada kepada orang Islam dan bukan Islam. Berbanding amanah Islam pula, pelaksanaannya hanya tertumpu kepada orang Islam sahaja. Merujuk kepada konsep amanah sivil, pelantikan wasi dan bidang tugasnya bagi sesuatu pengamanahan yang diwujudkan adalah merujuk kepada beberapa akta peramanahan di antaranya adalah: Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208), Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100), Akta Perbadanan Amanah Raya 1955 (Akta 532) dan lain-lain lagi.

Definisi Takaful

Takaful ialah perkataan bahasa Arab daripada kata dasarnya *kafala* yang bererti menjamin, menjaga atau memelihara. Manakala dari sudut kata kerja, takaful berasal daripada perkataan *takafala* yang bererti saling membantu dan bertanggung jawab di antara satu sama lain (*az-*

Zabidi, t.t). Konsep takaful diiktiraf di dalam Islam berteraskan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan”

Anjuran tolong menolong ini juga turut dijelaskan oleh Baginda SAW dalam hadis riwayat al-Bukhari:

المسلمُ أخو المسلم ، لا يظلمُهُ ولا يُسْلِمُهُ ، ومن كان في حاجة أخيه كان الله في حاجته ، ومن فرَّج عن مسلم كربةً ، فرَّج الله عنه بها كربةً من كربةٍ يوم القيامة ، ومن ستر مسلماً ، ستره الله يوم القيامة

Maksudnya: “Sesiapa yang memberikan pertolongan kepada seseorang muslim yang mengalami sesuatu daripada kesusahan-kesusahan dunia nescaya Allah SWT akan melegakan kesusahan-kesusahan yang menyesakannya dan kesusahan- kesusahan hari Kiamat. Dan sesiapa yang menolong memudahkan kesempitan hidup dan susah-payah seseorang di dunia, nescaya Allah SWT akan memudahkan kesusahan di dunia dan di akhirat.”

Berdasarkan dua dalil yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa takaful adalah satu instrumen yang meliputi aspek kebajikan, prinsip saling menjamin, persaudaraan, konsep *tabarru'* dan tawakal, galakan menabung dan perlindungan di hari tua (Che Ismail, 2010).

Konsep takaful dari sudut pengurusan risiko yang dipraktikkan dalam industri ketika ini adalah merujuk kepada satu skim berteraskan persaudaraan atas dasar tolong menolong (*at-ta'awwun*). Ia merupakan satu konsep *ta'min ijtimai* dalam menyediakan bantuan kewangan kepada peserta dalam kesusahan atau ditimpa musibah. Konsep takaful ini terdiri daripada beberapa akad di dalam Islam seperti *al-takaful*, *al-tabarru'*, *al-mudharabah* dan *al-wakalah* (Mohd. Sadad & Radiah Abd Kader, 2012). Setiap sumbangan peserta berdasarkan kepada empat akad ini dikendalikan oleh pemegang amanah (*al-kafil*) iaitu syarikat-syarikat takaful yang diberi pengiktirafan lesen oleh Bank Negara Malaysia (BNM)¹.

Manakala takaful hayat adalah salah satu instrumen dalam produk takaful. Pelan perlindungan yang ditawarkan kebiasaannya adalah melebihi satu tahun yang merangkumi manfaat kematian awal, penyakit kritikal dan hilang upaya kekal. Setiap peserta yang ingin mencarum akan didiagnosis tahap kesihatannya terlebih dahulu berdasarkan kriteria yang ditetapkan syarikat takaful. Hasil pengunderaitan akan menentukan sama ada peserta termasuk dalam kategori *standard*, *sub-standard* atau *decline*² (Aisyah Mustafa & Asmak Ab Rahman, 2015).

¹ Sebanyak 15 syarikat takaful yang mendapat lesen takaful dari Bank Negara Malaysia di antaranya: [AIA Public Takaful Bhd](#), [Zurich Takaful Malaysia Berhad](#), [Takaful Ikhlas General Berhad](#), [Sun Life Malaysia Takaful Berhad](#) dan lain-lain lagi.

<https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&lang=bm> (dilihat pada 4.3.2020)

² *Standard* bermaksud permohonan peserta diluluskan dan pencarum dikehendaki membayar caruman dengan jumlah tertentu. *sub-standard* bermaksud peserta mempunyai risiko dan caruman ditangguhkan atau terdapat

Aplikasi Amanah Takaful Di Syarikat Peramanahan

Setelah meneliti definisi bagi amanah dan takaful di atas, dapat kita fahami bahawa “amanah takaful” adalah gabungan daripada dua instrumen yang berbeza dan melibatkan dua perundangan yang berbeza. Gabungan konsep ini sama seperti pelaksanaan “hibah amanah” yang dipraktikkan di beberapa buah syarikat peramanahan dan institusi rasmi seperti Amanah Raya Berhad (ARB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan as-Salihin Trustee (Nazrul Hazizi et al., 2016; Akmal Hidayah & Tajul Aris, 2017; Mohd Yazid & Tajul Aris, 2019). Namun begitu, konsep hibah amanah adalah satu bentuk pengurusan harta pusaka yang membenarkan seorang pemilik harta mengekalkan kawalan harta amanah tersebut sewaktu hayatnya walaupun setelah sempurnanya pelantikan wasi. Hibah amanah juga menjadi alternatif kepada seseorang individu untuk mengelakkan harta tersebut diwarisi secara faraid (Akmal Hidayah & Tajul Aris, 2017). Namun terdapat perbezaan konsep pelaksanaan hibah amanah dengan amanah takaful yang dibincangkan di sini.

Amanah takaful adalah produk amanah berasaskan takaful di mana pemegang polisi akan melantik syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100) sebagai wasi kepada manfaat takaful (Nasrul Hisyam, 2012). Berdasarkan semakan di laman web syarikat-syarikat peramanahan utama di Malaysia, terdapat beberapa syarikat peramanahan yang menawarkan amanah takaful sebagai sebahagian daripada produk perancangan harta pusaka. Contohnya adalah seperti Amanah Raya Berhad (ARB), MyAngkasa Amanah Berhad, as-Salihin Trustee Berhad dan Wasiyyah Shoppe Berhad³. Kombinasi di antara amanah dan takaful yang ditawarkan di syarikat-syarikat peramanahan ini menjadi alternatif kepada orang muslim dalam perancangan harta dan mengurus risiko. Perkembangan ini dilihat semakin positif semenjak industri takaful mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1984 menerusi Akta Takaful dan Akta Bank Islam (Mohd. Sadad & Radiah Abd Kader, 2012). Kini kedua-dua akta tersebut telah dimansuhkan dan dikenali sebagai Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 seperti termaktub dalam Bahagian XVIII, Seksyen 285 “Pemansuhan, Kecualian dan Peralihan”.

Pentadbiran amanah takaful boleh berlaku dalam 2 bahagian; pertama sewaktu hidup dan kedua adalah selepas berlakunya kematian. Proses pelaksanaan amanah takaful bermula apabila pemegang polisi (*assignor*) sewaktu hayatnya menamakan pemegang amanah sebagai penerima manfaat takaful di dalam Borang Serah Hak (*Absolute Assignment*) bagi pihak benefisiari (Ahmad Basri & Ahmad Fadhil, 2015). Pelaksanaan ini adalah selaras dengan konsep Serah Hak bersandarkan kepada Seksyen 142, Jadual 10, 7(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013:

“Walau apa pun suatu penamaan di bawah perenggan 2, jika manfaat takaful, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, telah disandarkan sebagai cagaran atau diserahkan kepada seseorang, tuntutan orang yang berhak di bawah cagaran atau pemegang serah hak itu hendaklah mendapat keutamaan ke atas

beberapa keistimewaan dikecualikan, bayaran tambahan juga akan dikenakan. Terakhir *decline* bermaksud permohonan ditolak disebabkan rekod kesihatan tidak menepati kriteria ditetapkan.

³ Lihat: <https://www.amanahraya.my/trust-administration/>, <http://myangkasaamanah.com.my/index.php/ms/produk>, <http://as-salihin.com/amanah>, <http://wasiyyahshoppe.com.my/pengurusan-amanah/> (dilihat pada 2 Julai 2020).

tuntutan penama dan tertakluk kepada hak di bawah cagaran atau serahhakan yang disimpan itu, pengendali takaful berlesen itu hendaklah membayar baki manfaat takaful itu kepada penama.”

Setelah penyempurnaan Borang Serah Hak, pemegang polisi perlu membawa polisi asal takaful dan mengemukakan permohonan di syarikat peramanahan yang dipilih. Pemegang polisi dan pemegang amanah akan menandatangani Surat Ikatan Amanah (SIA) berdasarkan kepada terma dan syarat yang dipersetujui bagaimana manfaat takaful tersebut akan diagihkan. SIA yang ditandatangani akan mengikat kedua-dua belah pihak iaitu di antara pemegang polisi dan pemegang amanah. Walaupun begitu, pemegang polisi juga berhak membatalkan pelantikan pemegang amanah sekiranya diingini kerana akad yang dimeterai bukanlah akad yang lazim (*al-‘aqd ghair lazim*) (Azila, 2019).

Tanggung jawab pemegang amanah secara formal akan dilaksanakan sama ada sewaktu pemegang polisi masih hidup iaitu polisi takaful mencapai tarikh matang, atau selepas kematian pemegang polisi. Sebaik sahaja menerima maklumat daripada waris, pemegang amanah akan menuntut manfaat takaful daripada syarikat takaful iaitu pemilik ke atas pemegang polisi yang telah meninggal dunia. Kesemua manfaat takaful yang layak diterima oleh pemegang polisi akan dibayar kepada pemegang amanah yang telah dinamakan. Setelah manfaat takaful tersebut diterima, satu akaun amanah khas bagi pentadbiran manfaat takaful tersebut akan diwujudkan dan ditadbir berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui.

Kaedah pembayaran manfaat takaful ini adalah merujuk kepada Bahagian IX, Penggal 3, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013:

“... bagi pembayaran manfaat takaful apabila kematian peserta takaful di bawah sijil takaful keluarga dan sijil takaful kemalangan diri, yang dikeluarkan berkenaan dengan suatu kontrak takaful yang dibuat oleh peserta takaful atas hayatnya.”


Sebagai contoh, Ahmad merupakan pemegang polisi takaful nyawa dengan syarikat Takaful AA yang pampasannya bernilai RM1,000,000.00. Bagi memastikan pembahagian manfaat takaful tersebut ditadbir dengan sebaiknya untuk manfaat waris-waris yang ditinggalkan, di samping menunaikan hasratnya untuk tujuan kebajikan, beliau telah melantik Syarikat Peramanahan BB melalui Borang Serah Hak. Beliau boleh memperuntukkan asetnya di dalam SIA dengan kadar 2/3 untuk waris-waris dan 1/3 untuk tujuan kebajikan seperti wakaf atau sedekah kepada benefisiari diperlukan. Kelebihan SIA ini adalah, Ahmad boleh menetapkan sebarang bentuk perbelanjaan secara terperinci kepada waris-warisnya. Contohnya seperti kadar bayaran nafkah bulanan, tempoh bayaran dan cara pengurusan nafkah, bayaran yuran pengajian anak-anak mengikut tahap pengajian dan cara pengurusan terhadap anak kelainan upaya. Malah Ahmad juga boleh mengarahkan pemegang amanah untuk mencarum perlindungan takaful terhadap waris-waris yang disayangi sehingga semua manfaat takaful habis digunakan. Ini selaras dengan tujuan penubuhan syarikat amanah berdasarkan Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100), Seksyen 8(1)n:

“Tujuan sesuatu syarikat amanah boleh berupa mana-mana atau semua daripada, tetapi tidak boleh melebihi, seperti yang berikut:

(n) membuat pembayaran terhadap insurans dan menubuhkan dan mencarum kepada kumpulan wang simpanan”

Semua perancangan ini boleh dilakukan Ahmad sewaktu hayatnya melalui pelaksanaan amanah takaful dan lebih penting adalah pelaksanaannya dijamin melalui SIA yang sah di sisi undang-undang (Nurul Hazira, 2009). Perbincangan mengenai pelaksanaan amanah takaful di atas dapat difahami seperti gambar rajah 1 di bawah:

Gambar rajah 1: proses pentadbiran amanah takaful



Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Amanah Takaful

Perbincangan maqasid syariah dalam perancangan harta pusaka bukanlah suatu yang baru dan telah dibincangkan di kalangan sarjana terdahulu. Ini kerana tujuan perancangan harta pusaka itu sendiri adalah untuk manfaat sewaktu hidup dan selepas kematian seorang individu. Namun, penekanan terhadap maqasid syariah perlu diperluaskan lagi memandangkan tuntutan semasa terhadap perkembangan akad-akad kontemporari yang memerlukan kepada ijtihad dan pandangan para sarjana. Begitu juga konsep amanah takaful yang dibincangkan dalam artikel ini, ia memerlukan penilaian dari sudut pandang maqasid pelaksanaannya kepada ahli keluarga. Ini supaya konsep amanah takaful ini berlandaskan kepada tuntutan syarak.

Menurut al-Raysuni (2010) dalam bukunya “*Muhadharat fi Maqasid al-Syariah*” maqasid syariah adalah bererti “Matlamat atau tujuan yang ditentukan oleh syarak untuk dilaksanakan bagi memberi kebaikan hambanya”. Melalui definisi diberikan, kita fahami bahawa maqasid syariah adalah satu inti pati tersirat kepada hukum syarak (Mohammad Nidzam, 2014). Wujudnya ketetapan sesuatu hukum ini di sebabkan kewujudan sesuatu sebab (*'illah*). Tujuan maqasid syariah adalah melihat kemaslahatan sesuatu hukum dan menolak mudarat yang berlaku. Sehubungan dengan itu, Al-Qarafi (1998) menjelaskan bahawa sesuatu perintah suruhan dan larangan Allah SWT mempunyai hikmah dan munasabah tersirat. Contohnya seperti firman Allah SWT dalam larangan memakan harta anak yatim secara batil:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya)”. [al-Isra’:34]

Berdasarkan ayat di atas, maqasid syariah yang ditekankan adalah berkenaan tanggungjawab seorang penjaga (*wasi*) dalam penjagaan harta (*hifz al-mal*) anak yatim. *Hifz al-mal* adalah salah satu maqasid *ad-dhururiyat al-khamsah* selain daripada *hifz al-din*, *hifz al-nafs*, *hifz al-aql* dan *hifz al-nasb*. Menyentuh skop perbincangan amanah takaful dalam artikel ini, ianya berkait rapat dalam fiqh kehartaan yang mana tujuan pelaksanaannya adalah untuk menjaga manfaat harta ke atas keluarga (Muhammad Ikhlas et al., 2016). Justeru, amanah takaful ini wajar diperluaskan pelaksanaannya di kalangan muslim di Malaysia dalam membantu perancangan harta pusaka yang sistematik.

Perbincangan terdahulu jelas menunjukkan bahawa amanah takaful mempunyai ciri-ciri yang baik serta mampu melindungi kepentingan pemegang polisi dan benefisiari yang dinamakan. Polisi yang dicarum bukan sahaja untuk melindungi keluarga daripada ditimpa masalah kemiskinan, bahkan ianya mampu menjamin kelangsungan hidup benefisiari untuk tempoh yang ditetapkan oleh pemegang polisi. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad SAW di dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim:

إِنَّكَ أَنْ تَذَرَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذَرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ

Maksudnya: “...Dan sekiranya engkau tinggalkan warismu dalam keadaan yang kaya adalah lebih baik berbanding meninggalkan mereka dalam keadaan miskin dan meminta daripada manusia.

Justeru, berdasarkan hadis Baginda SAW di atas jelas menerangkan maqasid syariah menerusi pelaksanaan amanah takaful yang dipraktikkan kini. Hubung kait antara konsep amanah takaful dan maqasid syariah dapat difahami dengan lebih jelas berdasarkan Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Konsep amanah takaful daripada perspektif maqasid syariah

No.	Konsep amanah takaful daripada perspektif maqasid syariah
1	Pemegang polisi mencarum polisi takaful di syarikat takaful bagi mengelakkan benefisiari ditimpa masalah kemiskinan atau sebarang perkara mumudaratkan.
2	Pemegang polisi melantik pemegang amanah bagi menguruskan pembahagian manfaat takaful mengikut hasratnya. Lantikan pemegang amanah melalui syarikat peramanahan adalah lebih terjamin berbanding pelantikan individu untuk menguruskan manfaat takaful.
3	Pemegang polisi dan pemegang amanah menandatangani SIA bagi memastikan hasrat dan niat pemegang polisi dilaksanakan oleh pemegang amanah. Akad secara bertulis menguatkan lagi proses akad yang berlaku sebagai rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat.
4	Pemegang amanah membayar dividen kepada setiap akaun amanah yang dibuka berdasarkan kepada Seksyen 8, Seksyen 16, dan Seksyen 17 Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100), dan juga Seksyen 30, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532). Ini memberi kelebihan dan manfaat kepada benefisiari yang dinamakan.
5	Pemegang amanah mentadbir dan membahagikan manfaat takaful kepada benefisiari mengikut hasrat penderma berdasarkan SIA. Subjek peramanahan akan dilaksanakan dengan telus serta pelaksanaannya akan diaudit bagi memastikan objektif penubuhan akaun amanah tercapai.
6	Benefisiari menerima manfaat takaful sepenuhnya setelah akaun amanah mencapai tempoh matang atau baki minimum di dalam akaun amanah.
7	Pemegang polisi boleh meminta pemegang amanah untuk menjelaskan segala hutang piutang atau kebajikan bagi pihaknya sebelum sebarang pembahagian dibuat kepada benefisiari.
8	Akaun amanah tidak termasuk dalam kategori harta pusaka yang perlu difaraidkan di kalangan waris-waris yang sah terhadap harta si mati. Ini menjamin kemaslahatan hidup benefisiari dan dapat memanfaatkan harta tersebut sepenuhnya.

Tidak dinafikan masyarakat muslim di Malaysia mula sedar akan kepentingan industri takaful kerana manfaat yang ditawarkan (Siti Rashidah & Noor Lizza, 2019). Namun demikian masih terdapat salah faham terhadap konsep penamaan takaful yang sering berlaku seperti peletakan wasi bukan di kalangan waris dan pelantikan wasi melibatkan kanak-kanak bawah umur 18 tahun (Rafidah & Ruzian, 2018). Merujuk kepada Akta 611 Akta Kanak-Kanak 2011, “kanak-kanak” adalah merujuk kepada mereka yang berumur bawah 18 tahun. Kekangan ini menyebabkan mereka tidak dapat menguruskan manfaat takaful tersebut untuk menguruskan atau membahagikannya mengikut hukum faraid (Naziree Md Yusof, 2011) .

Perlu ditekankan bahawa *wasi* hanya bertanggung jawab sebagai pemegang amanah dan ia selaras dengan ketetapan Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan kali ke 49 yang bersidang pada 19 September 2000 dan Akta Insurans 1996. Terdapat syarikat takaful yang menyerahkan manfaat takaful kepada penjaga sebagai pemegang amanah sekiranya penamaan melibatkan kanak-kanak di bawah umur. Namun demikian, timbul persoalan adakah penjaga benar-benar bertanggung jawab menguruskan manfaat takaful tersebut dengan sebaiknya tanpa mengabaikan hak dan kebajikan benefisiari.

Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak 28,365 kes direkodkan dari tahun 2013-2016 melibatkan pengabaian kanak-kanak bawah umur (Nurul Izzah et al., 2019). Pengabaian ini termasuklah kegagalan penjaga untuk menunaikan nafkah sewajarnya kepada benefisiari. Oleh kerana itu, pelantikan wasi sewaktu hidup untuk mentadbir manfaat takaful adalah penting bagi menunaikan hajat dan kehendak pencarum.

Kesimpulan & Cadangan Kajian

Konsep pelaksanaan amanah takaful pada masa kini dilihat wajar untuk diaplikasikan oleh setiap masyarakat muslim di Malaysia. Ini kerana pelaksanaannya adalah memenuhi kriteria *maqasid syariah (hifz al-mal)* yang dibincangkan. Perancangan harta pusaka perlu dilakukan dengan bijak dan melihat dalam konteks yang lebih luas. Pengambilan polisi takaful sahaja tidak memadai sekiranya pengurusan manfaat takaful tersebut tidak dirancang dengan sebaik mungkin terutama jika si mati meninggalkan anak bawah umur. Sebagai rumusan, konsep amanah takaful ini wajar diperluaskan lagi pelaksanaannya di kalangan masyarakat memandangkan pelaksanaannya masih tidak diketahui ramai. Adalah dicadangkan kepada syarikat-syarikat takaful sedia ada untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat peramanahan di Malaysia. Satu mekanisme yang lebih berkesan melalui produk takaful seperti menyediakan pakej bersekali dengan pelantikan wasi boleh dijayakan agar mencapai *maqasid syariahan (hifz al-mal)* ini.

Rujukan

- Al-Bukhari, Muhamad Bin Ismail. (2001). *Sahih al-Bukhari*, Dar Tuq An-Najah, Cet. 1, Vol. 3, Hlm. 128.
- Al-Qarafi, A. I. (1998). *Al-Furuq*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah. Juz.3. Hlmn.419.
- Al-Raysuni, A. (2010). *Muhadharat Fi Maqasid Al-Shariah*. Dar Al-Kalimah. Hlmn.9.
- Az-Zabidi, M. M. (t.t). *Taj Al- 'Urus Min Jawahir al-Qamus*. Dar al-Hidayah.
- Ahmad Basri Ibrahim & Ahmad Fadhil Hamdi Mohd Ali. (2015). Absolute Assignment In Takāful Industry: Sharī'Ah Contracts, Issues And Solutions. *Intellectual Discourse*, 23: Special Issue, 507-528.
- Aisyah Mustafa, & Asmak Ab Rahman. (2015). Pengunderaitan Dalam Produk Takaful Keluarga Dari Perspektif Syariah. *Jurnal Syariah*, 23(2), 235–254.
- Akmal Hidayah, & Tajul Aris. (2017). Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia. *KANUN, julai*(2), 90–115.
- Amanah takaful di MyAngkasa Amanah Berhad:
<http://myangkasaamanah.com.my/index.php/ms/produk> (dilihat pada 2 Julai 2020).
- Amanah takaful di as-Salihin Trustee Berhad: <http://as-salihin.com/amanah> (dilihat pada 2 Julai 2020).
- Amanah takaful di Wasiyyah Shoppe Berhad: <http://wasiyyahshoppe.com.my/pengurusan->

- [amanah/](#)(dilihat pada 2 Julai 2020).
- Amanah takaful di Amanah Raya Berhad: <https://www.amanahraya.my/trust-administration/> (dilihat pada 2 Julai 2020).
- Azila Ahmad Sarkawi. (2019). Akad-Akad Muamalah Dalam Fiqh: Satu Analisis, *Jurnal Syariah*, Vol. 6, 37-42.
- Bakar, H. (2008). *Pengalaman Amanah Raya Berhad (ARB) Dalam Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam*. Siti Masyitoh Mahamood. Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Hlmn. 143.
- Buang, A. H. (2008). *Pembentukan Dan Pentadbiran Harta Amanah Menurut Perspektif Undang-Undang Islam*. Siti Masyitoh Mahamood. Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Hlmn.33.
- Che Othaman, C. I. (2010). Pemakaian Maqasid Al-Shari‘Ah Dalam Produk Takaful Keluarga Di Etiqa Takaful Berhad. In *Thesis*. University Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohammad Nidzam Bin Abdul Kadir. (2014). Pewarisan Harta Antara Bukan Muslim Dengan Muslim: Tinjauan Baharu Dalam Aspek Maqasid. *Jurnal Muamalat*, 7, 181–210.
- Mohd. Sadad bin Mahmud, & Radiah Abd Kader. (2012). Perkembangan Takaful di Malaysia : Satu Kajian Undang-Undang Kewangan Islam. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 24 (2), 252–259.
- Mohd Kamarul Khaidzir, S., & Mohamad Sabri, H. (2018). Teori Maslahah Dalam Sistem Pewarisan Harta Orang Islam The Theory of Maslahah in Muslim ’ s Inheritance System. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 1–17.
- Mohd Yazid Zulkepli, & Tajul Aris Ahmad Bustami. (2019). The Grey Side Of Hibah Amanah As Inheritance Instrument In Malaysia. *Al-Shajarah*, 24(2), 267–292.
- Muslim Bin Al-Hajjad Al-Naisaburi. (2000). Sahih Muslim. Jami'yah Al-Maknaz Al-Islami.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2012). *Wasiat & Wisayah Dalam Perancangan Harta: Prinsip Dan Amalan*, UTM Press, hlm. 104.
- Naziree Md Yusof. (2011). Permasalahan Pemegang Amanah terhadap Benefisiari Kanak-kanak dalam Harta Faraid. *Jurnal Muamalat*, 11(15), 1155–1167.
- Nazrul Hazizi Noordin, Muhammad Issyam Ismail, Rahman, M. A. H. A., Haron, S. N., & Abdullah, A. (2016). Re-evaluating the practice of hibah trust in Malaysia. *Humanomics*, 32(4), 418–436.
- Nurul Hazira Binti Rahmat. (2009). Perancangan Harta Mengikut Undang-Undang Islam Menggunakan Konsep Hibah. Disertasi Ijazah Sarjana Sains, Universiti Teknologi Malaysia, Hlmn. 41-43.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa’ Yusof, & Kusrin, Z. M. (2019). Konsep Pengabaian Dan Kecuaian Kanak-Kanak Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Di Malaysia the Concept of Child Neglect By Parents and Guardians in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(1), 57.
- Pengiktirafan lesen oleh Bank Negara Malaysia (BNM):
<https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&lang=bm> (dilihat pada 4.3.2020)
- Rafidah Mohammad Shapien, & Ruzian Markom. (2018). Konsep Penamaan Dalam Sistem Perbankan , Takaful Dan Caruman : Implikasinya Menurut Perspektif. *Kanun*, 1(jauari), 65–86.
- Rubayah Yakob, & Nor Hamizah Abd Rahman. (2017). Analisis pemilikan takaful keluarga

- atau insurans hayat dalam kalangan B40. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 133(2), 29–38.
- Siti Rashidah Ismail, & Noor Lizza Mohamed Said. (2019). Pelaksanaan Hibah dalam Produk Takaful : Perspektif Fuqaha The Implem. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 1(1), 57–68.
- Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzlinda Shah Shahr, & Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan. (2016). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Harta Pusaka Beku di Malaysia. *International Conference on Management & Muamalah* , 2016(November), 311–315.
- Yunus, Y., & Husniyah Abdul Rahim. (2010). Pengetahuan dan Persepsi Terhadap Perlindungan Takaful Keluarga. *Jurnal Pengguna Malaysia December*, 15(5), 65–76.

Akta:

- Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532)
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100)